KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2008

9 Julai 2008

Dalam ucaptama di Seminar Industri Perbankan - "Mempertingkatkan Kesedaran PKS Mengenai Akses kepada Pembiayaan", Gabenor Dr. Zeti berkata, PKS berpotensi besar untuk meningkatkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi. Beliau menggesa PKS Malaysia mengambil langkah proaktif seperti meneroka pasaran dan bidang pertumbuhan baharu di samping perekayasaan semula (reengineering) proses perniagaan untuk mencapai kecekapan kos dan peningkatan produktiviti bagi menangani kelembapan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global pada masa ini. Beliau juga menekankan bahawa institusi perbankan harus membantu PKS dengan menyediakan lebih banyak akses kepada pembiayaan, menambah baik khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan lebih fleksibel dalam menstrukturkan kemudahan pembiayaan.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengumumkan berkuat kuasa 15 Julai 2008, fi urus niaga yang dikenakan oleh bank terhadap pembayaran bagi pihak ketiga melalui penggunaan sistem penyelesaian kasar masa nyata (RENTAS) dikurangkan daripada RM2.50 kepada RM1.50. Pada masa yang sama, bagi menampung kos yang terbabit, industri perbankan juga akan mengkaji semula struktur fi bagi pindahan dana kepada fi tetap, menggantikan Komisen Pertukaran Dalaman (Inland Exchange Commission) yang sedia ada sebanyak 0.03%. Kajian semula ini akan dapat mengurangkan fi urus niaga yang dikenakan kepada pelanggan yang membuat pindahan dana antara negeri di Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik secara meluas dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

24 Julai 2008

Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) melancarkan Laporan Tahunan PKS 2007. Laporan ini memaparkan kisah-kisah kejayaan PKS yang mendapat manfaat daripada program dan insentif Kerajaan. Laporan ini juga menyediakan maklumat tentang prestasi PKS, serta program-program utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan penyerahan rasmi fungsi selaku sekretariat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) kepada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), yang akan dikenali sebagai Perbadanan PKS Malaysia (SME Corp.) berkuat kuasa Januari 2009.

25 Julai 2008

Pada mesyuarat kelima bagi tahun 2008, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia telah memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.50%. Menurut MPC, prestasi ekonomi Malaysia yang baik pada separuh pertama tahun 2008 telah dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan diperkukuh oleh prestasi eksport yang menggalakkan. Namun begitu, dalam 12 bulan akan datang, ekonomi negara dijangka menghadapi persekitaran yang lebih mencabar apabila risiko inflasi yang lebih tinggi dan risiko pertumbuhan yang lebih rendah meningkat dengan agak ketara terutamanya disebabkan oleh harga tenaga dan komoditi antarabangsa yang lebih tinggi. Pada mesyuarat berikutnya pada 25 Ogos, MPC memutuskan untuk mengekalkan OPR pada kadar yang sama.

11 Ogos 2008

Kempen komunikasi global Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) dilancarkan bersama oleh Gabenor selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif MIFC dan Dato' Zarinah Anwar, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, di Forum Penerbit dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia 2008 di Kuala Lumpur. Dalam ucapannya Gabenor menyatakan bahawa kewangan Islam di Malaysia telah dibangunkan lebih 30 tahun, disokong oleh lima asas iaitu originasi terbitan sukuk, pengurusan dana dan kekayaan Islam, perbankan Islam antarabangsa, perniagaan takaful antarabangsa, dan modal insan dan kepimpinan pemikiran. Kempen global ini membentuk nilai dan aspirasi utama kepada inisiatif MIFC dan usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah hab kewangan Islam yang utama.

12 Ogos 2008

Bank Negara Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bank Bangladesh di Kuala Lumpur mengenai pertukaran perisikan kewangan yang membabitkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Dengan ini, jumlah MoU yang telah ditandatangani dengan rakan asing berdasarkan skop kerjasama yang serupa meningkat kepada 15. Penandatanganan MoU ini sejajar dengan usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dengan mewujudkan persepakatan dan kerjasama dengan institusi-institusi asing.

18 Ogos 2008

Pada Dialog Sektor Awam-Swasta ke-4 antara SEACEN, Majlis Penasihat Perniagaan APEC, Asian Bankers Association dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik bagi Rantau Asia Pasifik, Gabenor berucap mengenai kepentingan pelaksanaan Basel II dalam pembangunan sistem kewangan Asia. Menurut beliau, pelaksanaan Basel II di rantau Asia Pasifik akan membolehkan bank meningkatkan daya tahan jangka panjang dan kelebihan bersaingan mereka dengan ketara, di samping memelihara kestabilan kewangan melalui penjajaran risiko dengan modal yang lebih setimpal.

21 Ogos 2008

Bank Negara Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengenai pengaturan perkongsian data. Pengaturan ini membolehkan DOSM menggunakan data Bank Negara Malaysia untuk menyusun penunjuk ekonomi dan sosial. Data ini kemudiannya dikongsi dengan agensi kerajaan lain bagi memudahkan mereka membuat perancangan, pemantauan dan perumusan dasar. MoU ini akan membuka jalan untuk mewujudkan lebih banyak lagi usaha bersama dalam kalangan agensi kerajaan untuk mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam pengumpulan dan penyebaran data.

29 Ogos 2008

Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan pada kadar tahunan sebanyak 6.3% pada suku kedua 2008 (S1 08: 7.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh manakala permintaan dalam negeri pula berkembang pada kadar yang lebih sederhana. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang terus kukuh dan prestasi sektor komunikasi, pengangkutan dan penyimpanan; serta subsektor kewangan dan insurans yang terus menggalakkan. Kadar inflasi pada suku kedua meningkat kepada 4.8% daripada 2.6% pada suku sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh

harga runcit bahan api dan harga makanan yang lebih tinggi. Kadar inflasi diramalkan terus tinggi pada separuh kedua tahun 2008 dan berlarutan hingga ke permulaan tahun 2009 sebelum menjadi sederhana menjelang pertengahan tahun 2009. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.50% pada suku kedua memandangkan paras semasa kadar dasar ini masih sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi.

22 September 2008

Dalam satu pernyataan yang disiarkan melalui laman web Bank Negara Malaysia, Gabenor berkata ringgit akan terus beroperasi dalam rejim apungan terurus yang memberikan fleksibiliti kepada negara untuk berubah mengikut perkembangan ekonomi dan kewangan antarabangsa. Beliau menegaskan bahawa rejim itu juga memberikan kestabilan kadar pertukaran berbanding dengan rakan dagangan utama Malaysia.

30 September 2008

Gabenor telah dilantik oleh Bank for International Settlements (BIS) selaku Pengerusi Majlis Penasihat Asia (Asian Consultative Council, ACC) BIS untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa pada bulan Oktober 2008. Jawatan tersebut sebelum ini disandang oleh Yaga V Reddy, Gabenor Reserve Bank of India, dari bulan Mac 2007 hingga September 2008. ACC terdiri daripada Gabenor bank-bank pusat anggota BIS di rantau Asia Pasifik. Majlis tersebut ditubuhkan pada tahun 2001 bagi memudahkan komunikasi dan perbincangan antara bank-bank pusat ini dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan BIS tentang perkara yang berkepentingan bagi komuniti bank-bank pusat Asia.